BH ONLINE

Rabu, 15 September 2021, 10:53am

App Store Google Play



# Malaysia kekal dasar mesra perniagaan, pelaburan

Oleh Mahanum Abdul Aziz - September 14, 2021 @ 3:39pm
mahanum_aziz@bh.com.my




(Gambar fail) Menteri Kanan (Perdagangan Antarabangsa dan Industri), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KUALA LUMPUR: Malaysia akan terus menjadi ekonomi terbuka dengan dasar mesra perniagaan dan pragmatik yang menyokong iklim pelaburan di negara ini, sekali gus mengekalkan negara ini dalam radar pelabur.

Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Malaysia mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dan mengagumkan pada separuh pertama 2021 dengan pelaburan langsung asing (FDI) melonjak 223.1 peratus berbanding separuh pertama 2020, menandakan keyakinan pelabur asing terhadap iklim ekonomi dan ekosistem perniagaan yang stabil dan kondusif di negara ini.

Beliau berkata, prestasi yang luar biasa itu juga menunjukkan strategi Malaysia meletakkannya sebagai destinasi pilihan pelaburan yang menarik dan hab rantaian bekalan di ASEAN, terutama untuk operasi pembuatan, menunjukkan hasil yang positif.

Katanya, Malaysia juga memperkenalkan Aspirasi Pelaburan Nasional, yang akan mengemudi negara ini ke arah pusat pelaburan serantau yang bertujuan meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan berteknologi tinggi bernilai tinggi sambil memperluas hubungan domestik.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

3m Penduduk lihat kepulan asap dari tali air
4m Malaysia sumbang peralatan perubatan bantu Indonesia perangi COVID-19
9m Tiada elemen rasuah dalam isu pembayaran hutang Rina Harun
11m Britain berdepan hilang satu pingat perak Olimpik Tokyo
13m 3 perisik AS mengaku menggodam untuk UAE
14m Bursa Malaysia meningkat selepas dibuka rendah
19m iPhone 13 Pro, iPhone 13 Pro Max dilancarkan, RM4,899
23m Sikap tak bertanggungjawab jejas gelembung pelancongan

[LANGSUNG] Mesyuarat Pert…

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Pelabur India perlu rebut peluang

**ditawarkan Malaysia**

- **Pelabur India dijemput terokai peluang di Malaysia**
- **Johor bersedia menjadi kuasa ekonomi baharu**
- **AsiaDB sedia perkhidmatan kewangan digital**

Selain itu, tambahnya, Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) akan menjadi panduan utama penggubalan dasar ekonomi sehingga 2025, yang mana rancangan itu juga merangkumi usaha merapatkan jurang antara kawasan luar bandar dan bandar dengan mengukuhkan rangkaian keselamatan sosial dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

"Saya ingin menekankan bahawa kami memberi keutamaan dalam memanfaatkan sinergi antara kerajaan dan sektor swasta untuk mempercepat pemulihan ekonomi, memupuk kerjasama yang lebih utuh dalam pertumbuhan, penciptaan kekayaan dan kemakmuran bersama," katanya.

Beliau berkata demikian pada mesyuarat secara maya dengan Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-ASEAN (AS-ABC) pada petang Isnin.

Dalam pertemuan secara maya itu, Mohamed Azmin gembira dengan minat dan penyertaan berterusan AS-ABC dalam menyokong ASEAN dan Malaysia untuk menjayakan agenda transformasi digital negara.

Beliau berkata, Malaysia tetap teguh dalam melakukan transformasi digital secara berterusan, terutamanya menerusi agenda MyDIGITAL, dimensi baharu dasar digitalisasi negara, yang akan mengubah Malaysia menjadi negara dipacu digital, sebagai batu loncatan bagi komuniti perniagaan untuk mengakses pasaran serantau lebih 650 juta orang, dan potensi pengguna dalam talian dengan kekuatan 400 juta.

"Saya menyeru pelabur Amerika untuk memanfaatkan 'Digital Investment Office (DIO) - Your One Stop for All Digital Investment Needs', termasuk dalam ekosistem bakat dan syarikat permulaan.

"Malah, bersama saya hari ini Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), untuk membantu AS-ABC meneroka DIO sebagai cadangan nilai yang unik dalam menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN," katanya.

AS telah menjadi rakan dagang ketiga terbesar Malaysia sejak 2015 dan AS juga adalah pelabur asing kedua terbesar di Malaysia dari segi pelaksanaan projek pembuatan.

Walaupun perdagangan global mencatatkan defisit tahun lalu, Malaysia mencatat pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 8.2 peratus dalam jumlah perdagangan dengan AS mencecah AS$42.6 bilion.


## VAKSIN


NASIONAL 28 minit yang lepas
**Lebih 17 juta populasi negara lengkap divaksin**


WILAYAH 4 jam yang lepas
**21,558 Orang Asli Pahang lengkap divaksin**


EROPAH Sep 14, 2021 @ 8:04am
**Tiada keperluan dos penggalak vaksin COVID-19 - Kajian**


EROPAH Sep 14, 2021 @ 6:36am
**Ketua kesihatan UK syor kanak-kanak 12-15 tahun divaksin**


WILAYAH Sep 13, 2021 @ 3:27pm



[LANGSUNG] Mesyuarat Pert…

## TRENDING

NASIONAL 2 jam yang lepas

## BERITA BERKAITAN



LAIN-LAIN (BISNES) Apr 23, 2021 @ 6:20pm

**DIO pacu usaha pelaburan digital Malaysia**



LAIN-LAIN (BISNES) Ogs 2, 2021 @ 12:17pm

**Platform DIO percepat urusan pelaburan**



LAIN-LAIN (BISNES) Dis 15, 2017 @ 6:22pm

**Jepun tumpu sektor perkhidmatan**

LAIN-LAIN (BISNES) Sep 20, 2019 @ 8:20am

**Malaysia komited perkukuh hubungan dua hala dengan AS - MITI**


Disyorkan untuk anda

Recommended by

**Vietnamese love the US, and China cannot change...**
Nikkei Asia

**Jon Bon Jovi Buys $43 Million Palm Beach,...**
Mansion Global

**Insight: China and International World Order**
CNA - Insight
Watch More

**How Much Do Dental Implants in Malaysia Cost?...**
Dental Implants | Searc...

**Here is what an unsold SUV might cost you in...**
SUV Deals | Search Ads

**COVID-19 - Latest news and coverage**
CNA

**Here Is What Full Mouth Dental Implants Should...**
Dental Implants | Searc...

**Sekiranya Anda Mempunyai Jamur Kuku,...**
asiastory.news
Shop Now


NASIONAL 2 jam yang lepas



**Imam Besar Masjid Putra mohon maaf**

BOLA 3 jam yang lepas



**Pengawal keselamatan rebah terkena bola sepakan Ronaldo**



NASIONAL 4 jam yang lepas

**Tumpahan bahan kimia: 2 pengsan, lebih 100 dipindahkan**



BOLA Sep 14, 2021 @ 8:57pm

**TMJ kecewa penyokong JDT lupa asal usul**



NASIONAL Sep 14, 2021 @ 8:49pm

**Dewan kosong ketika Anwar berucap timbulkan persoalan**

## MYRESIPI



RESIPI Sep 14, 2021 @ 1:34pm

**Resipi Nasi Dagang Guna Rice Cooker, Tak Perlu Rendam & Kukus Pun Menjadi!**



RESIPI Sep 14, 2021 @ 11:48am

**Cara Buat Waffle Yang Sedap & Garing, Ikut Je Sukatan Mudah Ini!**



TIPS & PETUA Sep 14, 2021 @ 10:21am

**Petua Simpan Tauhu Supaya Tahan Lama & Tidak Cepat Masam**



RESIPI Sep 13, 2021 @ 3:05pm

**Jom Buat Sup Dumpling, Modal RM10 Je Tapi Boleh Dapat 40 biji**



RESIPI Sep 13, 2021 @ 12:27pm

**Resipi Pancake Korea, Guna Kucai Ganti Daun Bawang, Sesuai Dengan Tekak Melayu!**

## OHBULAN



VIDEO VIRAL 2 jam yang lepas

**'Dengan Rendah Hati Saya Ingin Memohon Maaf...' – Imam Masjid Putra, Putrajaya**



[LANGSUNG] Mesyuarat Pert...



**[VIDEO] Anak Bongsu Shuib Pulang Ke Rumah – 'Mereka Nampak Happy Sangat Bila...**



VIRAL Sep 14, 2021 @ 7:55pm

**[VIDEO] 24 Tahun Besarkan 4 Anak...**



[VIDEO] 24 Tahun Besarkan 4 Anak Seorang Diri, Ibu Tunggal Sebak 'Lepaskan'...

UGUTAN BUNUH Sep 14, 2021 @ 7:24pm

Terima Lebih 60 Ugutan Termasuk Bunuh, Caprice Bagi Dua Pilihan Cara Nak...



## SIRAPLIMAU



FAMILI 33 minit yang lepas

[VIDEO] Abang Sulung Mual & Loya Setiap Kali Tengok Adik Baharu, Aneh!



RAWATAN IVF 42 minit yang lepas

Embrio IVF Berbaki 3, Wanita TTC Sebak Bila Disahkan Hamil Secara Normal!



TERAPI Sep 14, 2021 @ 10:02pm

Guna Permainan Pop-It Boleh 'Pancing' Anak Kenal Huruf & Operasi Nombor. Ini...



CARA BUAT JERUK PETAI Sep 14, 2021 @ 4:54pm

Cara Buat Jeruk Petai, Sedap, Ranggup & Tahan Lama




ASUH Sep 14, 2021 @ 3:52pm

Tabiat Aneh Kanak-Kanak Suka Makan Tanah, Serpihan Simen

IKUTI KAMI DI:

Download on the App Store
GET IT ON Google Play

Download on the App Store
GET IT ON Google Play

**BERITA**
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

**SUKAN**
**DUNIA**
**HIBURAN**
**BISNES**
**RENCANA**
**WANITA**
**HUJUNG MINGGU**

**MULTIMEDIA**
Foto
BHTV
Infografik

**LANGGAN**
Akhbar Digital
Akhbar BH

[LANGSUNG] Mesyuarat Pert...

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi